

Khamis, 3 Oktober 2019 | 6:55pm



## Grab terkejut MyCC cadang denda RM86.7 juta

**KUALA LUMPUR:** Penyedia perkhidmatan pengangkutan e-hailing, Grab, terkejut dengan cadangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang mahu mengenakan denda lebih RM86.7 juta terhadap syarikat berkenaan.

Jurucakapnya berkata, syarikat berkenaan mematuhi sepenuhnya Akta Persaingan 2010 dan tidak menjangka keputusan suruhanjaya terbabit.

"Pasukan peguam kami sedang mengkaji cadangan berkenaan dan kami percaya ia amalan biasa bagi perniagaan untuk menentukan ketersediaan dan jenis pengiklanan pihak ketiga di platform masing-masing mengikut keperluan dan maklum balas pengguna."

"Kami akan menyerahkan representasi bertulis kepada MyCC pada 27 November nanti," kata syarikat itu dalam satu kenyataan, hari ini.

Terdahulu, MyCC mencadangkan Grab didenda RM86,772,943.76 kerana amalan menindas.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail dilaporkan berkata, Grab turut dikenakan denda kewangan harian RM15,000 bermula hari ini, sekiranya syarikat itu gagal mengambil tindakan pembetulan seperti diarahkan MyCC bagi menangani isu persaingan berkaitan.

Grab didapati melanggar Seksyen 10 Akta Persaingan 2010 (AP 2010) secara kolektif berikutan syarikat itu didapati menyalahgunakan kedudukan dominannya melalui pengenaan beberapa klaus yang membataskan pemandunya.

MyCC juga menegaskan, Grab didapati membataskan pemandunya daripada mempromosikan dan menyediakan perkhidmatan pengiklanan kepada pesaing Grab dalam perkhidmatan e-hailing dan pasaran pengiklanan media transit.

"MyCC ingin menekankan bahawa klaus-klaus itu memberikan kesan mengganggu persaingan dalam pasaran berkenaan dengan mewujudkan halangan kemasukan dan perkembangan kepada pesaing Grab sedia ada termasuk pesaing masa hadapan.

"Sehubungan itu, syarikat terbabit mempunyai 30 hari bekerja bermula hari ini untuk memberikan representasi pembelaan mereka kepada MyCC.

"Kemudian, MyCC akan mengeluarkan keputusan akhir di bawah Seksyen 39 atau 40 AP 2010 selepas menilai kesemua representasi serta maklumat dan bukti yang diketengahkan," kata Iskandar.

Kata Iskandar, tempoh 30 hari diberikan kerana ia bukan keputusan akhir, sebaliknya Grab mempunyai peluang untuk mengemukakan pembelaannya dalam masa ditetapkan.

Menurutnya, isu berkaitan Grab timbul berikutan penggabungan antara Grab dan Uber pada lewat Mac 2018 sehingga Grab menjadi pemain dominan dalam pasaran e-hailing.

Sejak penggabungan itu, katanya, MyCC menerima banyak aduan terhadap Grab, namun beliau enggan mendedahkan secara khusus bentuk aduan diterima dan siapa pengadu.